

Jan 2020



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

79

th
ISSUE

info kampus

UITM SARAWAK BULLETIN



Bengkel Penyediaan Laporan Self-Review Report (SRR) 2018

Oleh: Imelia Laura Daneil,
PM Dr. Tang Howe Eng, Siti Faridah Kamaruddin

Unit Kualiti Cawangan Sarawak Kampus Mukah telah mengadakan Bengkel Penyediaan Laporan Self-Review Report (SRR) 2018 pada 11 hingga 13 April 2019 bertempat di Makmal Komputer Fakulti Pengurusan Perniagaan, Kampus Mukah. Bengkel ini bertujuan untuk menyiapkan dan membentangkan hasil laporan audit dalaman sepanjang tahun 2018. Bengkel ini diketuai oleh Encik Yussri bin Sawani selaku ketua Unit Kualiti UiTM Cawangan Sarawak, Puan Noor Shima binti Antony selaku Ketua Sistem Audit, dan Cik Dayang Nazari Binti Awang Drahmaan selaku penceramah bengkel. Bengkel ini diharapkan dapat melancarkan penyediaan Laporan Self-Review Report (SRR) 2018 dengan lebih teratur dan sistematik khususnya untuk Kampus Mukah.



Antara barisan auditor dalaman Kampus Mukah bersama Puan Noor Shima binti Antony, dan Cik Dayang Nazari Binti Awang Drahmaan



Salah seorang auditor sedang membentangkan hasil laporan untuk perbincangan lanjut

D'BANKERS' ROCK AND ROSES DINNER

Oleh: Fatin Adilah Razali

D'Bankers' Rock and Roses Dinner merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh D'Bankers, persatuan pelajar Diploma Perbankan UiTM Sarawak, Kampus Mukah. Program yang berlangsung pada 7 Disember 2019 ini merupakan majlis makan malam tahunan yang dihadiri oleh semua pelajar-pelajar Diploma Perbankan dari semester 1 hingga semester 5 serta para pensyarah dari Fakulti Pengurusan Perniagaan UiTM Sarawak, Kampus Mukah. Program yang diadakan di Dewan Sri Balau ini turut dihadiri oleh dua tetamu yang dijemput khas sebagai penceramah bagi program *Carve Your Own Path (CYOP) Talk* bersama pelajar Diploma Perbankan. Mereka adalah Alumni D'Bankers pada tahun 2016. Tujuan utama program ini dianjurkan adalah untuk meraikan pelajar-pelajar semester akhir yang bakal menamatkan pengajian pada semester ini dan sebagai tanda penghargaan kepada Ahli Jawatankuasa (AJK) D'Bankers sesi 2018/2019 yang telah bertungkus lumus menjayakan pelbagai aktiviti-aktiviti yang menarik dan bermanfaat untuk pelajar-pelajar Diploma Perbankan sepanjang tempoh berkenaan. Di samping itu, majlis makan malam ini juga bertujuan untuk mengeratkan silaturrahim sesama pelajar serta memberi peluang kepada para pelajar untuk bersantai sebelum menempuh peperiksaan akhir yang bakal tiba. Pelbagai aktiviti menarik telah berlangsung sepanjang program berkenaan antaranya, pemberian tanda penghargaan seperti sijil dan hadiah istimewa kepada mantan AJK, pemberian hadiah kenang-kenangan kepada semua pelajar semester 5, persembahan dari para pelajar semester 1 dan mantan AJK serta cabutan bertuah untuk para pelajar.



Ekspo Selangkah ke UiTM (ESKU)

Oleh: Nor Hilaliyah Binti Mohd Jamil, Nurain Johar dan Aisyah Nazamuddin

Unit Misi Akademik UiTM Mukah telah mengadakan Ekspo Selangkah ke UiTM (ESKU) Siri Kedua bertempat di Park City Mall, Bintulu pada 17 dan 18 Ogos 2019. Pada minggu berikutnya iaitu pada 24 dan 25 Ogos 2019 telah diadakan di Hotel Kingwood, Mukah. Selain daripada memberi khidmat nasihat kepada para pelajar lepasan SPM dan mempromosikan program-program yang ditawarkan di UiTM, ESKU siri kedua kali ini mensasarkan kepada pelajar yang telah terlepas peluang untuk memohon kemasukan ke UiTM peringkat diploma pada semester September 2019. Selain itu, ia juga memberi peluang kedua kepada mereka yang layak untuk memohon pra diploma untuk masuk ke UiTM bagi pengambilan kali kedua semester September 2019. Para pelajar yang layak juga dialu-alukan untuk mengikuti Program Pra Pengajian Tinggi (PPT). Dua orang



petugas mewakili Fakulti Perladangan dan Agroteknologi dan Fakulti Pengurusan Perniagaan telah dihantar ke Bintulu untuk ESKU kali ini. Manakala ESKU di Mukah pula melibatkan seramai enam orang petugas dari fakulti masing-masing. ESKU kali ini telah berjalan dengan lancar dan disambut baik oleh masyarakat tempatan dan sekitarnya. Objektif program juga telah tercapai di mana terdapat sebilangan pelajar yang datang dan menghantar borang permohonan untuk pra diploma bagi pengambilan kedua semester September 2019.



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Corporate Communications Unit

Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak
Blok Pentadbiran, Kampus Samarahan 2
Jalan Datuk Mohd Musa
94300 Kota Samarahan
Sarawak, Malaysia

Tel: 082 - 678 130 | Fax: 082 - 678 110

E-mail: corporate@uitm.edu.my

www.sarawak.uitm.edu.my

ISSN 2232-1578



9 772232 157005